



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
CAWANGAN PULAU PINANG**

**MODUL PENILAIAN SPM 2012
BAHASA MELAYU**

Kertas 1

September

2 ¼ Jam

1103/1

Dua jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas modul ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
2. *Jawab soalan **Bahagian A** dan satu soalan daripada **Bahagian B**.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas modul ini mengandungi 3 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.

[Lihat halaman sebelah

**SULIT
1103/2
Bahasa
Melayu
Kertas 2
2 ½ jam
September
2012**



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA
(CAWANGAN PULAU PINANG)**

**MODUL PENILAIAN SPM
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
TAHUN 2012**

BAHASA MELAYU

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawaban bagi Soalan 2 (b), Soalan 2 (c), Soalan 2 (d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusastraan Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawaban boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi 9 halaman bercetak.

[Lihat muka surat sebelah

Soalan 1 : Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **kelebihan makan bersama-sama dengan keluarga dan halangan untuk mengamalkannya**. Panjang rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Budaya makan bersama-sama dengan keluarga kini semakin kurang diamalkan. Meluangkan masa makan bersama-sama dengan keluarga sekurang-kurangnya sekali sehari memberikan kesan besar kepada *kesejahteraan minda* dan emosi anak-anak. Malangnya, anak-anak zaman sekarang makan tanpa mengikut waktu makan yang sepatutnya. Memang tidak dapat dinafikan bahawa amat sukar untuk mencari masa makan bersama, terutamanya pada waktu siang namun kita boleh berkumpul sekeluarga pada waktu makan malam.

Ketika makan bersama, ibu bapa dapat menunjukkan tabiat pemakanan yang baik supaya boleh menjadi teladan atau ikutan anak-anak. Hal ini termasuklah makan sayur, buah-buahan dan banyak minum air kosong. Kalau diperhatikan, adab ketika di meja makan kini semakin hilang, terutamanya dalam kalangan generasi muda. Anak-anak lebih gemar menikmati makanan ketika menonton televisyen. Jika menjamu selera di meja makan, ada anak-anak yang tergesa-gesa menghabiskan makanan kerana mahu menonton rancangan kegemaran ataupun bermain permainan komputer. Ketika inilah ibu bapa boleh menetapkan disiplin atau adab di meja makan. Adab-adab berkenaan, termasuklah mengajar anak-anak menyediakan hidangan, membasuh pinggan mangkuk, makan secara beradab, serta melatih mereka mengemas meja selepas makan.

Waktu makan ialah masa yang berkualiti, tenang dan menyeronokkan. Ketika makan, ibu bapa boleh berinteraksi dengan anak-anak. Antara topik yang boleh dibincangkan ialah peristiwa menarik di sekolah, perkara yang menggembirakan atau menyediahkan anak-anak atau rakan-rakan rapat mereka. Secara tidak langsung, ibu bapa juga dapat mengesan pergerakan harian anak-anak, terutamanya yang sudah masuk usia remaja. Kajian juga menunjukkan lebih kerap keluarga makan bersama, lebih rendahlah kemungkinan anak-anak untuk terabit dalam gejala sosial seperti merokok, mengambil minuman keras, penyalahgunaan dadah, dan pergaulan bebas.

Ada kalanya anak-anak mempunyai pandangan negatif terhadap ibu bapa. Oleh yang demikian, ibu bapa boleh menjadikan masa makan sebagai masa yang terbaik untuk memuji anak-anak. Mereka boleh berterima kasih kepada perlakuan baik atau kerajinan mereka dalam membantu keluarga dan belajar. Perbincangan ketika masa makan juga dapat melatih anak-anak berfikir dan bertutur kerana perbualan panjang antara ibu bapa dengan anak-anak pasti berlaku. Tamsilnya, anak-anak dapat belajar perkataan baharu yang diperoleh ketika perbualan di meja makan. Selain itu, keakraban hubungan antara anggota keluarga akan terjalin. Keakraban hubungan ini memberikan kesan besar kepada kehidupan anak-anak dan akan mempengaruhi tabiat makan mereka. Tegasnya, makan bersama-sama dengan keluarga perlu menjadi amalan dalam masyarakat kita. Amalan ini mampu membentuk adab sopan anak-anak demi menjadikan mereka anggota masyarakat yang berhemah.

(Dipetik dan diubah suai daripada ‘*Amalan Makan Bersama*’, Harian Metro, 21 Mac 2012)

Soalan 2 : Pemahaman

[35 markah]

Soalan 2 (a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan Soalan 1, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *kesejahteraan minda*.
[2 markah]
- (ii) Apakah tabiat buruk yang diamalkan oleh anak-anak ketika makan?
[3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah untuk menggalakkan amalan makan bersama-sama dengan keluarga?
[4 markah]

Soalan 2(b) – Petikan Cerpen

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Kehadiran Pak Husain menjadi jambatan kepada ingatanku untuk menyeberang bagi menemui detik-detik peristiwa yang berlaku lebih daripada tiga puluh tahun yang lalu.

Kakinya yang buntung, terkulai dalam kain sarungnya yang kelihatan singkat. Kaki kayunya sudah usang. Kepala kakinya sudah berjabu-jabu di bawah ketiaknya. Kalau tidaklah kerana parut yang memanjang di atas dahinya, yang separuh telah ditutup oleh semutar kain batik Kelantan, aku akan kehilangan wajahnya. Kehilangan itu akan membuatkan aku tidak melihat peristiwa sejarah tanah air. Kebisingan dan kehiruk-pikukan yang berbaur daripada ramainya orang yang menghadiri temasya kota (menyambut ulang tahun kemerdekaan), seolah-olah tidak masuk dalam telingaku. Tidak.

Wajah Pak Husain memanjat kepalaku. Menerkam dan menggigitku. Berlari-lari dalam ingatanku. Dia pahlawan yang tidak pernah difikirkannya bahawa dia telah menyelamatkan kami. Ketika dia tersiuk-siuk melangkah dengan tiga kakinya melewati orang ramai, dalam kumpulan yang lebih merupakan sampah sarap yang disongsong oleh pasang penuh, aku tepuk belakangnya. Pak Husain berhenti mendadak. Menikam wajahku dengan pandangannya yang berkaca-kaca. Aku menaburkan senyumanku. Kuduga ingatannya. Ingatkah ia?

“Kau, kau, Khalid?”

“Ya, Khalid,” kataku membenarkan dugaannya.

(Dipetik daripada cerpen ‘Pahlawan Buntung’
oleh S. Othman Kelantan dalam Antologi
Dirgahayu Bahasaku, Dewan Bahasa dan
Pustaka)

- (i) Siapakah Pak Husain berdasarkan petikan tersebut? [2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, bagaimanakah kerajaan dapat menghargai jasa dan pengorbanan pejuang tanah air? [3 markah]
- (iii) Huraikan **satu** latar masyarakat yang terdapat dalam petikan di atas dan **satu** latar masyarakat yang lain daripada keseluruhan cerpen. [4 markah]

Soalan 2(c) – Petikan Prosa Klasik

Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Tiba-tiba Tuan Puteri Pinang Masak masuk tangan, “Wahai ayahanda, adakah patut berulang-alik bertanyakan hal orang di gelung itu? Bukankah baik kiranya dipersilakan anak-anak gelung itu naik ke istana?”

Baginda raja *termakan cakap* puterinya itu lalu ia menitahkan negeri dihiasi dan orang besar-besar pergi menjemput anak-anak gelung itu ke istana.

“Silalah encik-encik dan tuan-tuan naik ke darat. Kalau hendak menyabung, gelanggang ada; hendak bercatur berjugar, tapaknya ada dan jika hendak berkenduri hidangan ada disediakan lengkap dengan balainya,” kata Datuk Orang Kaya Besar.

“Terima kasih. Silalah tuan-tuan berjalan dulu, kami mengikut dari belakang.”

Setelah mendapat izin isterinya, Tuan Puteri Dayang Seri Jawa, dengan berpakaian lengkap Awang Sulung pun pergilah bersama-sama jurubatu dan Bujang Selamatnya. Bujang Selamat disuruhnya mengepit Kinantan Sucinya, iaitu seekor ayam laga yang cekatan, sementara jurubatunya pula mendayung sampan tanda menuju ke pangkalan Negeri Pati Talak Terengganu.

Ketibaan Awang Sulung ke negeri itu amat menghairankan rakyat Negeri Pati Talak Terengganu itu, kerana segala alat kebesaran berbunyi sendiri dan seluruh isi alam menyambut sama.

(Dipetik daripada ‘Pelayaran Yang Penuh Peristiwa’, dalam Antologi *Harga Remaja*, Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Apakah maksud rangkai kata *termakan cakap*?
[2 markah]
- (ii) Bagaimanakah sambutan yang diberikan kepada anak-anak gelung panjang yang berlabuh di situ?
[3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, mengapakah segala alat kebesaran berbunyi sendiri apabila Awang Sulung tiba di Negeri Pati Talak Terengganu?
[3 markah]

Soalan 2(d) – Sajak

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Mengintai Ruang Insaf

Semakin berat kejahilan
terpikul di bahu
semakin jauh perjalanan
memburu nur-Mu.

Sewaktu berlari di padang hidup
kerap kakiku tersadung selirat akar
tubuhku tercalar duri pidana
pada samar kejauhan
ancala mulia makin kabur
dan menghilang.

Sekadar songsong aksara kata
tanpa kembali ke tunjang makna,
“Apakah dalam saraf khilaf
masih terbuka ruang untuk
dianugerahkan keinsafan?”

Rabb,
moga pintu taubat-Mu terbuka
sebelum api dari bara itu menyala.

Shukri Abdullah
Harga Remaja, Dewan Bahasa dan Pustaka.

*Semakin berat kejahilan
terpikul di bahu*

- (i) Berikan maksud baris sajak di atas. [2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, apakah cara-cara yang berkesan untuk mengelakkan remaja daripada terlibat dalam kegiatan yang tidak bermoral? [3 markah]
- (iii) Huraikan **dua** persoalan yang terdapat dalam sajak ini. [4 markah]

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan.

- (a) Tulis **dua ayat** bagi tiap-tiap perkataan di bawah ini untuk menunjukkan bahawa anda faham akan perbezaan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa dan nama khas.
- (i) hangat
 - (ii) genting
 - (iii) gugur
- [6 markah]
- (b) Tukarkan ayat di bawah ini kepada ayat **bersusunan songsang** tanpa mengubah maksud asalnya.
- (i) Penduduk kampung itu akan membaiki jambatan yang rosak di hujung kampung.
 - (ii) Dia akan membeli rumah pangsapuri itu jika memperoleh pembiayaan penuh daripada bank.
 - (iii) Kanak-kanak yang meraung-raung kesakitan itu terluka kaki kirinya.
- [6 markah]
- (c) Dalam setiap ayat di bawah terdapat **satu kesalahan ejaan** dan **satu kesalahan penggunaan imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.
- (i) Encik Othman telah membawakan keluarganya untuk menikmati keenakan mi goreng dan murtabak ayam di kedai itu.
 - (ii) Yang Dipertuan Agong telah mencemar duli untuk menyempurnakan majlis perletakan batu asas masjid baharu di kampung itu.
 - (iii) Perdana Menteri telah menitipkan ucapan balasungkawa kepada keluarga mangsa tanah runtuhan yang hilang ahli keluarga mereka.
- [6 markah]

(d) *Dalam setiap ayat di bawah terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Kempen untuk melayangkan Jalur Gemilang seharusnya dijalankan secara berterusan dan tidak terhad kepada bulan kemerdekaan sahaja.
- (ii) Kereta api Sinaran Pagi dari Johor Bahru telah terbiasa dari landasan menyebabkan dua gerabaknya terbalik.
- (iii) Abang belum mengambil keputusan tepat sama ada mahu bekerja di sektor swasta atau sektor kerajaan.

[6 markah]

(e) *Baca ayat di bawah dengan teliti, kemudian kemukakan satu peribahasa yang sesuai dengan ayat tersebut.*

- (i) Remaja kini gemar mengunjungi kafe siber yang semakin banyak beroperasi di negara ini.
- (ii) Walaupun kita semakin maju, namun budaya nenek moyang perlu kita amalkan agar berkekalan.
- (iii) Ketika kita sedang berbual-bual atau bergurau senda, kita perlulah berhati-hati mengeluarkan tutur kata kerana tersilap kata akan mengeruhkan keadaan.

[6 markah]

Soalan 4 : Novel

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) Papa.....(akhirnya kau tewas jua!) karya Deana Yusof
- (ii) Melunas Rindu karya Hartini Hamzah
- (iii) Azfa Hanani karya Halis Azhan Mohd Hanafiah
- (iv) Renyah karya Gunawan Mahmood
- (v) Konserto Terakhir karya Abdullah Hussain
- (vi) Kembara Amira karya Amer Hmzah L. Kadir
- (vii) Kabus di Perbukitan karya Mohamad Kholid Hamzah
- (viii) Sutera dalam Lukisan karya Abd. Talib Hassan

- (a) Berdasarkan novel yang anda pelajari,uraikan **dua** situasi yang menunjukkan hubungan kekeluargaan yang erat.

[7 markah]

- (b) Setiap novel mengandungi pelbagai nilai murni yang dapat memberikan teladan kepada pembaca.

Berdasarkan **dua** buah novel yang anda kaji, jelaskan **satu** peristiwa yang menggambarkan nilai kerjasama daripada setiap novel tersebut.

[8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
CAWANGAN PULAU PINANG**

MODUL PENILAIAN SPM 2012

BAHASA MELAYU

Kertas 1

1103/1

BAHASA MELAYU

Kertas 1

PERATURAN PEMARKAHAN

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan markah ini **SULIT** dan **Hak Cipta MPSM**.

Kegunaan khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada seseiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa bentuk media.

BAHASA MELAYU KERTAS 1 (1103/1)
Bahagian A : Karangan Berdasarkan Bahan Rangsangan
(30 markah)

KRITERIA PENSKORAN

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	26 – 30 (28 – 30) (26 – 27)	- menepati tema bahan rangsangan - bahasa gramatis dari segi kata dan ayat - penggunaan tanda baca betul dan tepat - penggunaan kosa kata luas dan tepat - wacana lengkap, unsur bahasa bervariasi dan menggunakan ungkapan yang menarik - idea relevan, huraihan jelas dan matang
Kepujian	20 – 25 (23 – 25) (20 – 22)	- menepati tema bahan rangsangan - bahasa gramatis dari segi kata dan ayat - penggunaan tanda baca betul dan tepat - penggunaan kosa kata luas - wacana lengkap, unsur bahasa bervariasi - idea relevan, huraihan jelas
Memuaskan	15 – 19 (17 – 19) (15 – 16)	- masih menepati tema bahan rangsangan - bahasa masih gramatis dari segi kata dan ayat - penggunaan tanda baca masih betul dan tepat - penggunaan kosa kata umum - wacana masih lengkap, unsur bahasa masih bervariasi - idea masih relevan, huraihan masih jelas
Kurang Memuaskan	10 -14 (12 – 14) (10 – 11)	- masih/kurang menepati tema bahan rangsangan - bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat - kesalahan tatabahasa/ejaan ketara - penggunaan kosa kata terhad - wacana kurang lengkap, unsur bahasa kurang bervariasi - idea masih/kurang relevan, huraihan masih/kurang jelas
Pencapaian Minimum	01 – 09 (06 – 09) (01 – 05)	- murid tidak menunjukkan penguasaan kemahiran menulis - murid tidak memahami tema bahan rangsangan - idea tidak menepati tema bahan rangsangan

Catatan :
 - Tiada pemotongan markah bagi setiap kesalahan ejaan
 - Calon digalakkan menggunakan ungkapan menarik (peribahasa, kata-kata hikmat, petikan hadis, slogan, petikan ucapan, pantun, maksud al-Quran dan sebagainya)

SULIT

1103/1

Bahagian B

Perincian Pemarkahan

Cara Pemeriksaan :

1. Pemeriksaan dijalankan secara holistik berpandukan peringkat dan kriteria yang ditetapkan
2. Jika karangan :
 - a. Kurang daripada 350 perkataan, periksa seperti biasa
 - b. Terlalu panjang – periksa seperti biasa hingga ke akhir karangan
3. Kesalahan format hendaklah ditolak maksimum 2 markah
4. Kesalahan ejaan hendaklah ditolak $\frac{1}{2}$ markah dan pemotongan maksimum ialah sebanyak 3 markah. Tiada pemotongan markah bagi kesalahan ejaan yang berulang
5. Cara menanda kesalahan isi , ejaan dan tanda baca :

() = Kesalahan isi

_____ = Kesalahan bahasa, rangkai kata dan perkataan

/ = Kesalahan ejaan dan huruf besar (nama khas)

// = Kesalahan ejaan yang berulang

○ = Kesalahan tanda baca

SULIT

1103/1

Bahagian B : Karangan Respons Terbuka

(100 markah)

KRITERIA PENSKORAN

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
CEMERLANG	80 – 100 (90 – 100) (80 – 89)	<ul style="list-style-type: none">- penggunaan pelbagai jenis kata yang luas dan tepat- penggunaan pelbagai ayat majmuk yang gramatis- ejaan dan tanda baca betul- laras bahasa sesuai dengan tugasan- penggunaan kosa kata luas dan tepat- idea yang relevan mengikut tugasan, dihuraikan dengan jelas dan matang, disertakan dengan contoh yang sesuai- pengolahan menarik dan berkesan serta pemerengganan sesuai- wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan- penggunaan unsur bahasa bervariasi- gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa
KEPUJIAN	66 – 79 (73 – 79) (66 – 72)	<ul style="list-style-type: none">- penggunaan pelbagai jenis kata yang tepat- penggunaan pelbagai ayat majmuk yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum- ejaan dan tanda baca betul- laras bahasa sesuai dengan tugasan- penggunaan kosa kata luas dan tepat- idea yang relevan mengikut tugasan, dihuraikan dengan jelas dan matang, disertakan dengan contoh yang sesuai- pengolahan menarik dan berkesan serta pemerengganan sesuai- wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan- penggunaan unsur bahasa bervariasi- gaya bahasa masih menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa
BAIK	51 – 65 (58 -65) (51 – 57)	<ul style="list-style-type: none">- penggunaan pelbagai jenis kata yang sesuai- penggunaan pelbagai ayat majmuk gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum- penggunaan kosa kata umum- laras bahasa sesuai mengikut tugasan- idea masih relevan mengikut tugasan, huraian isi masih jelas dan contoh masih sesuai- wacana masih lengkap- penggunaan unsur bahasa masih bervariasi- gaya bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan

MEMUASKAN	36 – 50	- penggunaan pelbagai jenis kata terhad - ayat kurang gramatis - ejaan dan tanda baca betul tetapi terdapat kesalahan yang minimum - laras bahasa kurang sesuai - idea masih relevan mengikut tugas, huraihan isi kurang jelas dan contoh kurang sesuai - wacana masih/kurang lengkap - penggunaan unsur bahasa kurang bervariasi - gaya bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan
	21 – 35 (28 – 35) (21 – 27)	- penggunaan kata kurang tepat - ayat tidak gramatis tetapi masih difahami - terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara - idea masih relevan/idea bercampur aduk dan huraihan tidak jelas/tidak berkembang dan contoh tidak sesuai - pengolahan tidak menarik - wacana tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang - Unsur bahasa tidak bervariasi/lemah - gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah
	01 – 20 (11 – 20) (01 – 10)	- keseluruhan karangan menunjukkan penggunaan kata dan ayat yang tidak gramatis - kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara - idea bercampur aduk dan huraihan tidak jelas/tidak berkembang dan contoh tidak sesuai - pengolahan tidak menarik - wacana tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang dan tidak sesuai - gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah serta tidak menarik - keseluruhan karangan sukar/tidak difahami

Skema jawapan Modul Penilaian SPM Bahasa Melayu Kertas 1/ 2012

1.Kerajaan mewajibkan program **1Murid 1Sukan** di setiap sekolah.

Huraikan faedah-faedah yang anda peroleh dengan menyertai aktiviti sukan di sekolah.

Cadangan isi:

- memenuhi masa lapang dengan aktiviti yang berfaedah.
 - menyihatkan badan
 - memupuk nilai-nilai murni
 - menjadi pasukan pelapis kepada atlet negara.
 - memupuk semangat juang yang tinggi.
- (terima mana-mana isi lain yang sesuai)

2.Ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam **usaha menggalakkan anak-anak mementingkan keindahan alam sekitar.**

Bincangkan langkah-langkah yang boleh dilakukan oleh ibu bapa untuk menggalakkan anak-anak menjaga keindahan alam sekitar.

Cadangan isi:

- ibu bapa menggalakkan anak-anak mengitar semula
 - ibu bapa menunjukkan teladan yang baik
 - ibu bapa menetapkan jadual waktu membersihkan rumah
 - ibu bapa mendidik anak-anak agar menyahut kempen kerajaan seperti tidak menggunakan plastik.
- (Terima isi-isi lain yang sesuai)

3. Industri pelancongan merupakan antara penyumbang terbesar ekonomi negara .Anda ingin menulis rencana berkaitan peranan pelbagai pihak untuk memajukan industri pelancongan

Tulis rencana tersebut selengkapnya.

Format: Rencana

Cadangan isi:

- kerajaan mengadakan promosi
 - kerajaan menyediakan kemudahan infrastruktur yang lengkap
 - masyarakat menyambut pelancong dengan bersopan
 - masyarakat menjaga kebersihan alam sekitar.
 - agensi pelancongan mengadakan pakej yang menarik.
- (Terima isi-isi lain yang sesuai)

4.Kerjasama antara negara di dunia dapat membantu meningkatkan pembangunan pendidikan di sesebuah negara.

Bincangkan kerjasama antara negara di dunia untuk meningkatkan pembangunan pendidikan.

Cadangan isi:

-mengadakan pertandingan-pertandingan pendidikan di peringkat antarabangsa
contoh:pidato Bahasa Melayu antarabangsa,Pertandingan Robotik,Pertandingan Model kereta F1

-mengadakan pertukaran pelajar antara sekolah.

-mengadakan Program Berkembar antara universiti

-mengadakan lawatan penanda aras.

-mewujudkan fakulti bahasa asing di universiti-universiti. Contoh: Pusat Bahasa Melayu di Universiti Beijing.

(Terima isi-isi lain yang sesuai)

5.Kini, karya kreatif seperti cerpen dan novel oleh penulis-penulis muda semakin berkurangan.

Jelaskan usaha-usaha yang perlu dilakukan untuk menggalakkan remaja melibatkan diri dalam penulisan kreatif.

Cadangan isi:

-pihak sekolah mengadakan Minggu Bahasa

-mengadakan Program NILAM secara berterusan

-ibu bapa perlu menanam minat dalam bidang penulisan sejak kecil

-pihak kerajaan-memperkenalkan mata pelajaran KOMSAS sejak di sekolah rendah

-media massa mengadakan promosi.

-pihak swasta menaja atau menawarkan hadiah yang lumayan

-pihak DBP menyiar kan karya-karya terpilih dalam majalah keluaran DBP

-pihak kerajaan mengadakan Anugerah Tokoh Sasterawan Muda.

(Terima isi-isi lain yang sesuai)

SKEMA JAWAPAN TAMAT



MAJLIS PENGETUA

SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA (CAWANGAN PULAU PINANG)

Peraturan Pemarkahan

MODUL PENILAIAN SPM 2012 BAHASA MELAYU Kertas 2

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan markah ini **SULIT** dan **Hak Cipta MPSM**.
Kegunaan khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa bentuk media.

Soalan 1

Markah penuh 30 dibahagi kepada :

- a) Isi - **20 markah**
b) Bahasa - **10 markah**

a) **Isi [20 markah]**

Nota :

- i. Panduan mengira perkataan :
Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan :
 - nama khas
 - perkataan berulang
 - penggunaan kata sendi did an ke
 - tarikh
 - angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
 - gelaran
- ii. Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.
- iii. Periksa jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja. Yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.
- iv. Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

Bahagian	Markah										Markah
(i) Pendahuluan											2
(ii) Isi Tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12		16
(iii) Isi Tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4		
(iv) Penutup/Kesimpulan											2
Jumlah Markah											20

Soalan 1 : Rumusan

Pendahuluan:

Petikan membincangkan **kebaikan/ kepentingan/faedah/manfaat/kemaslahatan/kesan positif** makan bersama-sama dengan keluarga dalam kalangan masyarakat.

[2 markah]

Isi tersurat [4 hingga 12 markah]

Kelebihan makan bersama-sama dengan keluarga:

1. Dapat menunjukkan tabiat pemakanan yang baik.
2. Ibu bapa boleh menetapkan disiplin atau peraturan di meja makan.
3. Boleh berinteraksi dengan anak-anak.
4. Dapat mengesan pergerakan harian anak-anak.
5. Kemungkinan anak-anak untuk berbabit dalam gejala sosial rendah rendah.
6. Boleh menjadikan masa makan sebagai masa yang terbaik untuk memuji anak-anak.
7. Dapat melatih anak-anak berfikir dan bertutur.
8. Keakraban hubungan antara anggota keluarga akan terjalin.
9. Mampu membentuk adab sopan anak-anak.

Isi Tersirat [4 hingga 12 markah]

Halangan untuk mengamalkannya:

1. Ibu bapa sibuk dengan kerjaya / aktiviti masing-masing.
2. Amalan ini tidak menjadi budaya dalam keluarga.
3. Kurangnya usaha ibu bapa untuk mengamalkannya.
4. Kurangnya kesedaran tentang kepentingan makan bersama dalam kalangan masyarakat.
5. Anak-anak sibuk dengan aktiviti sekolah / tuisyen.
6. Tarikan makanan segera / terdapat banyak pilihan makanan di luar.
7. Ruang makan di rumah tidak kondusif / sesuai / selesa.

Kesimpulan/Penutup:

Ibu bapa haruslah membudayakan amalan makan bersama-sama dengan keluarga supaya dapat membentuk keluarga bahagia. [2 markah]

Ibu bapa haruslah membudayakan amalan makan bersama-sama dengan keluarga. - 1 markah

b) **Bahasa** [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tertakluk kepada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut :

Peringkat	Markah Isi	Markah Bahasa	Huraian
Baik	18 - 20 15 - 17	9 - 10 7 - 9	<ul style="list-style-type: none">- Kesinambungan isi baik- Struktur ayat/tatabahasa baik- Kosa kata luas- Tanda baca/ejaan betul
Sederhana	12 - 14 8 - 11	6 - 7 4 - 6	<ul style="list-style-type: none">- Kesinambungan isi masih baik- Struktur ayat/tatabahasa masih memuaskan- Kosa kata masih memuaskan- Tanda baca/ejaan juga memuaskan
Lemah	1 - 7	1 - 4	<ul style="list-style-type: none">- Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan/tidak memuaskan.

Nota :

- i. Jika bahasanya agak baik, **tambah 1 markah** lagi.
- ii. Jika bahasanya kurang memuaskan, **tolak 1 markah**.
- iii. Jika **disalin bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat, walaupun jumlah perkataan kurang daripada 120 patah perkataan, berikan **0 markah**.
- iv. Jika rumusan **kurang daripada 120** patah perkataan, **markah tidak dipotong**.

[Markah bahasa maksimum : 10 markah]

Soalan 2

Markah penuh 35 markah

Perhatian bagi soalan 2(a) hingga Soalan 2(d)

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap/sempurna.
3. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Soalan 2(a) : Petikan Umum

i) **Maksud rangkai kata *kesejahteraan minda* ialah:**

- | | | |
|--|---|----------|
| • ketenangan / ketenteraman pemikiran/fikiran/akal | - | 2 markah |
| • ketenangan /ketenteraman minda | - | 1 markah |
| • kesejahteraan pemikiran/fikiran/akal | - | 1 markah |

[Maksimum: 2 markah]

ii) **Tabiat buruk yang diamalkan ketika makan:**

- makan tanpa mengikut waktu makan yang sepatutnya.
- gemar menikmati makanan ketika menonton televisyen.
- makan tergesa-gesa.

[Maksimum: 3 markah]

iii) **Langkah-langkah untuk mengalakkan amalan makan bersama-sama dengan keluarga:**

- kempen galakan makan bersama-sama dengan keluarga.
- media massa menguar-uarkan kebaikan amalan makan bersama-sama dengan keluarga.
- ibu bapa menetapkan waktu makan bersama-sama dengan keluarga.
- melatih/mengasuh anak-anak makan bersama-sama sejak kecil.
- menyediakan makanan kesukaan/kegemaran keluarga.

[Maksimum: 4 markah]

Soalan 2(b) – Petikan Prosa Moden

i) Pak Hussain ialah seorang yang:

- berkaki buntung/kudung.
- mempunyai parut yang memanjang pada dahinya.
- pahlawan.
- mempunyai daya ingatan yang kuat/tajam daya ingatannya.

[Maksimum: 2 markah]

ii) Kerajaan dapat menghargai jasa dan pengorbanan pejuang tanah air:

- melalui penganugerahan pingat/imbuh wang.
- memberikan bantuan perubatan percuma.
- membina tugu peringatan/ mengabadikan jasa mereka di muzium/memorial.
- menerbitkan buku/filem/rencana tentang pejuang tanah air.
- mengadakan sambutan hari pahlawan peringkat kebangsaan.

[Maksimum: 3 markah]

iii) Satu latar masyarakat dalam petikan:

- Masyarakat yang menghargai orang yang berjasa/berbudi/pahlawan – contoh Khalid mengingati Pak Husain dengan menegur Pak Husain walaupun sudah lebih tiga puluh tahun tidak berjumpa
- Masyarakat yang memperingati peristiwa sejarah yang meninggalkan kesan pada diri – contoh Khalid / penulis mengingati peristiwa tiga puluh tahun dahulu yang meninggalkan kesan mendalam pada dirinya
- Masyarakat pahlawan tanah air/pejuang – Pak Husain telah menyelamatkan Khalid dan penduduk kampungnya
- Masyarakat yang berjiwa patriotik – orang ramai menghadiri temasya kota (menyambut ulang tahun kemerdekaan)

Satu latar masyarakat dalam keseluruhan petikan:

- Masyarakat yang sanggup berkorban – contoh Pak Husain menyelamatkan penduduk Kampung Pulau Pak Amat semasa serangan Jepun .
- Masyarakat yang berani menghadapi cabaran – contoh Pak Husain berani menyelamatkan diri daripada tentera Jepun dengan tipu muslihatnya semasa menggali kubur .
- Masyarakat yang sedia membantu orang yang berada dalam kesusahan – contoh penduduk Kampung Pulau Pak Amat membantu menyelamatkan Jarah, anak Pak Ngah yang cedera akibat terkena peluru sesat
- Masyarakat yang bijak menangani/manghadapi sesuatu kecemasan/masalah – contoh Pak Husain berjaya menyelamatkan diri dengan tipu muslihat semasa ditahan oleh tentera Jepun untuk menguburkan mayat-mayat tentera dan orang mati.
- Masyarakat yang menderita ketika perang – contohnya, masyarakat terpaksa berpindah meninggalkan harta benda mereka ketika perang.
- Masyarakat yang rajin / gigih berusaha – contohnya, Pak Husain dan Khalid sering menjala/menangkap ikan.

[Maksimum: 4 markah]

Soalan 2(c) – Petikan Prosa Klasik

i) **Maksud rangkai kata *termakan cakap* ialah:**

- menurut/mendengar kata - 2 markah
- terpengaruh oleh kata-kata - 2 markah

[Maksimum: 2 markah]

ii) **Sambutan yang diberikan kepada anak-anak gelung panjang yang berlabuh di situ ialah:**

- negeri telah dihiasi.
- orang besar-besar menjemput anak-anak gelung panjang.
- menggalakkan anak-anak gelung/kapal naik ke darat dan bersuka ria / berseronok (menyabung ayam, bercatur berjugar, berkenduri / menikmati makanan).
- mengalu-alukan kedatangan anak-anak gelung.

[Maksimum: 3 markah]

iii) **Alat kebesaran berbunyi sendiri apabila Awang Sulung tiba di Negeri Pati Talak Terengganu :**

- untuk menunjukkan kedaulatan anak raja / Awang Sulung.
- untuk menggambarkan kehebatan seseorang anak raja.
- untuk mengalu-alukan ketibaan seseorang anak raja yang mempunyai kesaktian/kelebihan yang luar biasa.
- sebagai bukti bahawa anak-anak raja itu mulia/agung / untuk menunjukkan kemuliaan/keistimewaan anak raja.

(Jawapan yang sesuai diterima)

[Maksimum: 3 markah]

Soalan 2(d) – Sajak Mengintai Ruang Insaf

Soalan 2 (d): Sajak

(i) Baris tersebut bermaksud:

- semakin banyak dosa yang dilakukan.

[Maksimum: 2 markah]

(ii) Cara-cara yang berkesan untuk mengelakkan remaja daripada terlibat dalam kegiatan yang tidak bermoral ialah:

- Memberikan didikan agama / moral yang secukupnya.
- Merancang aktiviti yang berfaedah
- Kempen
- Peranan ibu bapa
- Peranan pihak sekolah
- Peranan anggota masyarakat
- Penguatkuasaan undang-undang yang tegas

[Maksimum: 3 markah]

(iii) Dua persoalan:

- Persoalan tentang fitrah manusia yang sering melakukan kesilapan dalam hidup.
- Persoalan tentang keinsafan yang wujud dalam diri manusia apabila menyedari kesilapan masa lalu.
- Persoalan tentang keinginan untuk kembali mendapat keampunan dan rahmat Allah.
- Persoalan tentang kesukaran mendapat rahmat Allah akibat berterusan melakukan dosa dalam kehidupan.
- Persoalan tentang kejahilan manusia dalam bidang keagamaan.
- Persoalan tentang hari pembalasan.

[Maksimum: 4 markah]

Soalan 3

Markah penuh 35 markah

Perhatian bagi soalan 3(a)

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
 2. Tolak $\frac{1}{2}$ markah bagi kesalahan ejaan/jalan bahasa/tanda baca daripada keseluruhan soalan.
 3. Perkataan yang berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
 4. Perkataan digunakan sebagai kata nama khas, berikan 0 markah.
 5. Jika memberikan makna dan tepat maknanya, berikan markah penuh 1 markah.
 6. Ayat yang dibina sebagai satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak $\frac{1}{2}$ markah bagi setiap ayat.
 7. Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
 8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
 9. Ayat tidak jelas, tolak $\frac{1}{2}$ markah.
 10. Sengaja menambah atau mengubah imbuhan (jika berkenaan), berikan 0 markah.

Soalan 3(a)

- i) **hangat**
 - panas
 - meriah, seronok
 - tegang
 - masih baharu (berita)
 - penuh semangat, berapi-api.
 - ii) **genting**
 - sejenis atap rumah
 - berbahaya, tegang
 - kecil atau sempit pada bahagian tengah
 - hampir putus
 - jalan sempit
 - iii) **gugur**
 - jatuh dari pohon/luruh
 - lahir sebelum masanya/tidak cukup bulan (bayi)
 - mati dalam pertempuran
 - kehilangan hak

[Maksimum: 6 markah]

Soalan 3(b)

- (i) [Penduduk kampung itu] [akan membaiki jambatan yang rosak] [di hujung kampung.]

 - $2 + 3 + 1$
 - $2 + 1 + 3$
 - $3 + 1 + 2$
 - $3 + 2 + 1$

- | | | | |
|-------|---|----------|----------|
| (ii) | 1 | 2 | 3 |
| | [Dia] [akan membeli rumah pangapuri itu] [jika memperoleh pembiayaan penuh daripada bank.] | | |
| | <ul style="list-style-type: none">• $2 + 3 + 1$• $2 + 1 + 3$• $3 + 1 + 2$• $3 + 2 + 1$ | | |
| (iii) | 1 | 2 | |
| | [Kanak-kanak yang meraung-raung kesakitan itu] [terluka kaki kirinya.] | | |
| | <ul style="list-style-type: none">• $2 + 1$ | | |

[Maksimum: 6 markah]

Soalan 3(c)

- (i) Encik Othman telah **membawakan (membawa)** keluarganya untuk menikmati keenakan mi goreng dan **murtabak (martabak)** ayam di kedai itu.
- (ii) Yang **Dipertuan (di-Pertuan)** Agong telah mencemar duli untuk menyempurnakan majlis **perletakan (peletakan)** batu asas masjid baharu di kampung itu.
- (iii) Perdana Menteri telah menitipkan ucapan **balasungkawa (belasungkawa)** kepada keluarga mangsa tanah runtuh yang **hilang (kehilangan)** ahli keluarga mereka.

[Maksimum: 6 markah]

Soalan 3(d)

- (i) Kempen untuk **melayangkan (mengibarkan)** Jalur Gemilang seharusnya dijalankan secara berterusan dan tidak terhad **kepada (pada / semasa)** bulan kemerdekaan sahaja.
- (ii) Kereta api Sinaran Pagi dari Johor Bharu telah **terbabas (tergelincir)** dari landasan menyebabkan dua **(buah)** gerabaknya terbalik.
- (iii) Abang belum mengambil keputusan **tepat (muktamad)** sama ada mahu bekerja di sektor swasta atau **sektor kerajaan. (di sektor kerajaan)**

[Maksimum: 6 markah]

Soalan 3(e)

- (i) bak cendawan tumbuh selepas hujan
- (ii) tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas.
- (iii) terlajak perahu boleh diundur, terlajak kata buruk padahnya / rosak badan kerana mulut / kerana mulut badan binasa / kerana pulut santan binasa, kerana mulut badan binasa.

[Maksimum: 6 markah]

Soalan 4

Markah penuh 15 markah

Panduan pemarkahan bagi Soalan 4

Soalan 4(a)

- i. Jawaban berdasarkan sebuah novel yang dipelajari.
- ii. Jawaban hendaklah dalam ayat-ayat lengkap.
- iii. Beri 2 markah untuk setiap isi yang lengkap/jelas.
- iv. Beri 1 markah untuk satu isi yang kurang lengkap/kurang jelas.
- v. Markah isi maksimum 4 markah.
- vi. Markah bahasa maksimum 3 markah.
- vii. Markah bahasa diberi seperti berikut :
 - Baik = 3 markah
 - Sederhana = 2 markah
 - Lemah = 1 markah
- viii. Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.
- ix. Calon tidak menjawab 0 markah

Soalan 4(b)

- i. Jawaban berdasarkan **dua** buah novel yang dipelajari.
- ii. Jawaban hendaklah dalam ayat-ayat lengkap.
- iii. Berikan tiga markah untuk huraian yang jelas / lengkap
- iv. Markah isi maksimum 6 markah.
- v. Markah bahasa maksimum 2 markah.
- vi. Markah bahasa diberi seperti berikut ;
 - Baik = 2 markah
 - Lemah = 1 markah
- vii. Jika calon menjawab dan markah isi 0 markah, beri 1 markah untuk bahasa.
- viii. Calon tidak menjawab 0 markah.

Soalan 4 (a)

Azfa Hanani – Dua contoh situasi yang menunjukkan hubungan kekeluargaan yang erat:

1. **Hubungan erat antara anak saudara dengan keluarga bapa saudaranya** – sebagai seorang anak saudara dan sepupu kepada ahli keluarga bapa saudaranya, Azfa Hanani menyayangi mereka seperti keluarganya sendiri. Azfa Hanani sanggup melakukan apa-apa sahaja demi kepentingan keluarga bapa saudaranya itu.
2. **Hubungan erat antara anak dengan ibu.** – Tengku Mazran berusaha mencari dan memujuk Azfa Hanani supaya menyamar sebagai adiknya iaitu Tengku Murni kerana tidak mahu ibunya tertekan dengan kematiannya adiknya itu.
3. **Hubungan erat antara adik-beradik.** – Anak-anak Datin Maziah bekerjasama bagi memastikan rahsia penyamaran Azfa Hanani tidak terbongkar. Tengku Mazran berusaha mencari pengganti adiknya yang meninggal dunia dalam kemalangan jalan raya supaya ibunya tidak mengalami tekanan perasaan.

Kembara Amira – Dua contoh situasi yang menunjukkan hubungan kekeluargaan yang erat:

1. **Hubungan erat antara anak dengan ibu.** – Perhubungan kasih sayang yang erat terjalin antara Amira dengan ibunya walaupun mereka berjauhan. Mereka tetap saling berhubung melalui e-mel. Amira juga sering mengikuti aktiviti ibunya ketika cuti sekolah supaya mereka dapat bertemu dan tidak berjauhan.
2. **Hubungan erat antara bapa dengan anak.** – Tau amat menyayangi Itai walaupun anaknya itu dipelihara oleh abangnya iaitu Ludin. Tau tidak pernah memberitahu Itai tentang hubungan mereka, namun sentiasa bersama-sama dengan Itai di hutan itu.
3. **Hubungan erat antara adik-beradik.** – Hubungan antara Tau dan Ludin sangat erat sehingga Tau sanggup berkahwin dengan Ipah semata-mata bagi memastikan Ludin dapat menjadi ketua masyarakat mereka.

Soalan 4(b) – Nilai kerjasama dalam novel:

Azfa Hanani:

1. Kerjasama antara Tengku Mazran, Kak Syafinaz dan Azfa Hanani.
 - Kak Finaz mengajar Azfa Hanani cara-cara menjadi seperti Tengku Murni di Hotel Universe.
2. Kerjasama antara murid-murid Sekolah Menengah Taman Sari.
 - Penganjuran Hari Sumbangsih untuk mengutip derma.
3. Kerjasama antara Azfa Hanani dengan rakan-rakannya dalam kumpulan forum remaja.
 - Mereka berlatih sehingga berjaya menjadi johan dan Azfa Hanani terpilih sebagai Pengurus forum terbaik.
4. Kerjasama antara anggota keluarga Datuk Tengku Makmur.
 - Mereka bekerjasama untuk merahsiakan penyamaran Azfa Hanani sebagai Tengku Murni daripada pengetahuan Datin Maziah.

Kembara Amira:

1. Kerjasama antara Amira, Itai dan Jacinta.
 - Mereka bekerjasama untuk mencari kata laluan bagi *mobile disk* yang dipercaya milik Malique.
2. Kerjasama antara Amira, Itai, Jacinta, Pak Lias dan Roslan.
 - Mereka bekerjasama mencari Malique yang hilang di Gunung Gua Gajah.
3. Kerjasama antara Prof Zaidah dengan ahli kumpulan arkeologinya.
 - Mereka bekerjasama untuk mencari kesan-kesan tinggalan sejarah di kawasan Bukit Mat Raya / Desa Karpus.
4. Kerjasama antara Tau, Itai dan ahli arkeologi.
 - Mereka bekerjasama untuk mencari Jacinta yang hilang di dalam hutan.


SKEMA PEMARKAHAN TAMAT

Bahagian A

[30 markah]

[Masa dicadangkan : 45 minit]

Lihat rajah di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang **kepentingan amalan berjimat cermat**. Panjang huraian anda hendaklah **antara 200 hingga 250 patah perkataan**.



Bahagian B

[100 markah]

[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.

1. Kerajaan mewajibkan program 1Murid 1Sukan di setiap sekolah.

Huraikan faedah-faedah yang anda peroleh dengan menyertai aktiviti sukan di sekolah.

2. Ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam usaha menggalakkan anak-anak mementingkan keindahan alam sekitar.

Bincangkan langkah-langkah yang boleh dilakukan oleh ibu bapa untuk menggalakkan anak-anak menjaga keindahan alam sekitar.

3. Industri pelancongan merupakan antara penyumbang terbesar ekonomi negara. Anda ingin menulis rencana berkaitan peranan pelbagai pihak untuk memajukan industri pelancongan.

Tulis rencana tersebut selengkapnya.

4. Kerjasama antara negara di dunia dapat membantu meningkatkan pembangunan pendidikan di sesebuah negara.

Bincangkan kerjasama antara negara di dunia untuk meningkatkan pembangunan pendidikan.

5. Kini, karya kreatif seperti cerpen dan novel oleh penulis-penulis muda semakin berkurangan.

Jelaskan usaha-usaha yang perlu dilakukan untuk menggalakkan remaja melibatkan diri dalam penulisan kreatif.

KERTAS MODUL TAMAT